

17 APR 2001

Mahathir-Islam/I

UMAT ISLAM KETINGGALAN KERANA TANGGAPAN SALAH TERHADAP TUNTUTAN ILMU

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sebab sebenar umat Islam jauh ketinggalan adalah kerana mereka sering dinasihatkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab agama mereka untuk menuntut ilmu agama sebagai bekalan ke akhirat.

Katanya mereka tidak digalakkan menuntut ilmu dalam pengajian yang berbentuk bukan keagamaan kerana mereka menganggap ia sebagai sekular.

"Malahan ibu bapa diketahui mendesak anak-anak mereka menuntut ilmu agama kerana mereka sendiri akan mendapat pahala dan di Malaysia ada profesional telah melahirkan kekesalan mereka kerana mereka telah memilih satu kerjaya sedangkan mereka sepatutnya menuntut ilmu agama," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan persidangan kedua Persekutuan Universiti-universiti di Dunia Islam, di Gombak di sini.

Dr Mahathir berkata untuk menebus apa yang mereka anggap dosa mereka, mereka menghantar semua anak mereka ke sekolah agama atau untuk menjadi hafiz.

"Kita tahu bahawa ramai umat Islam mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang ilmu seperti sains dan kejuruteraan dan lebih ramai lagi yang sepatutnya mempelajari subjek penting ini tidak berbuat demikian kerana walaupun mereka mungkin bijak, mereka telah dipengaruhi untuk mempercayai bahawa pengajian dalam bidang itu adalah sekular," katanya.

Dr Mahathir berkata bagi memburukkan lagi keadaan, ramai yang menuntut ilmu dalam bidang bukan agama telah diganggu oleh mereka yang mahukan golongan ini memberi lebih tumpuan masa kepada pelbagai kegiatan berbentuk keagamaan.

"Mereka malahan telah didesak menyertai kegiatan yang tiada kaitan langsung dengan pengajian mereka, sebagai contoh acuman politik dan kononnya perjuangan bagi menentang semua bentuk isu yang dianggap tidak Islam. Sesetengahnya dipujuk mengambil bahagian dalam kegiatan yang dikatakan demi kepentingan agama," katanya.

Satu pendekatan yang digemari oleh mereka yang menentang pemerolehan ilmu bukan agama ini, katanya, ialah menuduh kerajaan menggalakkan pendidikan bukan agama atau kerajaan itu tidak Islam.

Dr Mahathir berkata semua mata pelajaran yang diajar dilabel sebagai sekular dan oleh itu tidak sesuai bagi umat Islam mempelajarinya.

"Pelajar Islam akan merasa bersalah jika mereka mendesak untuk mempelajari subjek itu dan mereka akan melakukan sebaik mungkin memperuntukkan lebih masa terhadap agama supaya tidak dianggap tidak alim oleh rakan-rakan sebayanya dan ini melemahkan keupayaan mereka untuk menguasai subjek-subjek berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata terdapat begitu banyak kekeliruan di kalangan umat Islam berhubung sekularisme kerana sesetengah mereka cenderung untuk menganggap apa sahaja yang bukan berkaitan dengan amalan yang fardu dalam Islam, mengenai undang-undang Islam dan teologi Islam, sebagai sekular.

"Ini amat malang sekali kerana ia boleh menjadikan Islam satu agama yang terasing, tidak mampu untuk memahami dan berhadapan dengan apa sahaja selain yang mereka anggap sebagai yang berkaitan dengan agama," katanya.

Katanya keadaan ini amat salah sekali kerana Islam bukan semata-mata satu kepercayaan untuk dihayati tetapi ia merupakan cara hidup.

"Islam oleh itu sepatutnya berkaitan dengan semua yang dilakukan dalam

kehidupan seharian, sama ada sebagai seorang individu atau sebagai anggota masyarakat dan apa yang kita lakukan dalam hidup ini bukan dan tidak boleh hanya terhad kepada menunaikan amalan tertentu yang fardu atau sesuatu upacara agama sahaja," katanya.

Perdana Menteri berkata umat Islam tidak patut hanya menuntut ilmu mengenai Islam tetapi juga semua disiplin sains yang lain yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan umat Islam, kebebasan mereka daripada penguasaan dan penindasan musuh mereka.

Katanya umat Islam disuruh khususnya bersiap sedia dengan kuda perang dan senjata untuk menakutkan musuh-musuh dan mempertahankan diri mereka.

"Kuda, pedang dan anak panah adalah mencukupi pada zaman Rasullullah saw. Hari ini kita memerlukan meriam dan kereta kebal, pesawat pejuang, kapal perang dan pelbagai senjata canggih bagi menghalang musuh dan mempertahankan diri.

"Tetapi kita bergantung kepada orang lain termasuk mereka yang mengangap umat Islam sebagai musuh mereka, untuk membekalkan kita dengan keperluan peralatan ini...kita tidak dapat menggerunkan sesiapa dan pastinya tidak mampu untuk mempertahankan diri kita secara berkesan," katanya.

Dr Mahathir berkata akibatnya umat Islam di seluruh dunia ditindas, dan seringkali dibunuh sewengan-wenangnya, disingkirkan dari negara mereka sendiri untuk hidup sebagai pelarian di tanah musuh selama berdekad dan berkurun lamanya.

"Bolehkah kita secara jujur berkata bahawa kehidupan mereka itulah yang dimaksudkan sebagai cara hidup Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata tentunya akan ada umat Islam yang menegaskan bahawa itulah kehendak Allah bagi umat Islam, Allah telah menyediakan syurga bagi mereka di akhirat kelak.

"Adakah ini benar sedangkan kita telah tidak mempedulikan tuntutan utama Islam supaya menyiapkan diri kita bagi menimbulkan rasa takut di kalangan musuh kita dan mempertahankan diri," katanya.

Beliau berkata terdapat sesetengah umat Islam yang percaya umat Islam tidak akan dapat menguasai kemahiran dan ilmu untuk bersaing dengan pengkritik mereka dalam penciptaan, pengeluaran dan penggunaan senjata modern dan produk lain.

"Ini merupakan sikap orang kalah yang tidak wajar ada dalam Islam. Kita sebenarnya tahu bahawa umat Islam adalah lebih hebat daripada yang lain pada zaman dulu dalam pengeluaran senjata, produk lain dan dalam kemahiran menggunakannya," katanya.

Katanya inilah sebabnya kenapa hanya segelintir umat Islam di negara Islam yang mampu membangunkan negara mereka ke tahap setaraf negara maju di dunia.

"Tidak terdapat kemungkinan bahawa sebuah negara Islam akan muncul sebagai satu kuasa dunia dalam masa terdekat ini walau sebesar mana pun ia," katanya.

Bercakap mengenai kesan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan globalisasi, Dr Mahathir berkata hanya sebilangan kecil negara Islam benar-benar mengetahui tentang proses globalisasi.

Katanya negara Islam tidak mempunyai pendirian bersama mengenai isu global tertentu kerana sesetengahnya terhutang budi dengan negara kaya dan tidak mungkin akan menentang interpretasi mengenai globalisasi yang digubal negara kaya.

"Tetapi sebaik mereka komited dengan WTO, mereka tidak akan dapat keluar daripadanya, akhirnya mereka akan kehilangan kuasa terhadap negara mereka dan kemerdekaan akan tergadai," katanya.

Katanya dunia Islam akan sekali lagi berada dalam dalam kerugian dengan tibanya era teknologi maklumat.

"Bukan sahaja kita tidak mempunyai penguasaan dalam teknologi maklumat tetapi kita tidak sedar bahawa ia dan globalisasi yang mengiringinya akan sekali lagi menyebabkan kita ditakluki," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata nasib malang yang menimpa umat Islam ini adalah disebabkan mereka telah meninggalkan ajaran sebenar Islam.

"Kita mengatakan Islam adalah satu cara hidup sedangkan apa yang kita maksudkan ialah ia satu cara ke arah kematian. Semua yang berlaku kepada umat Islam hari ini adalah disebabkan mereka menerima dengan mudah ajaran yang dipilih-pilih yang mengecualikan banyak daripada apa yang dituntut daripada kita supaya kita boleh menjadikan Islam satu cara hidup yang benar-benar memberi manfaat kepada ummah," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam hari ini telah kehilangan hak mereka di dunia ini dan tidak pernah dalam sejarah Islam umatnya begitu ditindas, tertakluk kepada segala bentuk penghinaan dan dipaksa melalui satu kehidupan yang begitu miskin dan sengsara.

-- BERNAMA

SR AHH RON